PENANG

PERCUMA

1 - 15 OGOS, 2024

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow



PERDANA Menteri (tengah) diiringi Ketua Menteri berjabat tangan dengan sebahagian hadirin yang hadir pada Majlis Perasmian Menara HASiL Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

# Kutipan cukai Pulau Pinang lebihi unjuran LHDN

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**SUNGAI PINANG -** Sehingga 31 Mei 2024, RM3.542 bilion jumlah cukai yang berjaya dikutip oleh pejabat HASiL atau Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) di Pulau Pinang adalah positif berbanding sasaran yang ditetapkan.

Mengulas perkara itu, Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Seri Utama Anwar Ibrahim berharap agar negeri-negeri lain wajar mencontohi rekod pencapaian kutipan hasil semasa Pulau Pinang.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata demikian dalam sidang media bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow seusai Majlis Perasmian Menara HASiL Pulau Pinang di sini pada 29 Jun 2024.

"Pulau Pinang (dalam) suku pertama (2024) mencatat jumlah (kutipan hasil cukai) yang melebihi unjuran.

"Jadi, saya minta negeri-negeri lain mengusahakan (kutipan hasil cukai mengikuti unjuran yang ditetapkan) kerana kita (Kerajaan Persekutuan) tidak mahu ada kebocoran dan keciciran," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Tambun, Perak.

Berucap sebelum itu, Anwar memberitahu bahawa prestasi kutipan cukai oleh LHDN di Pulau Pinang adalah melebihi sasaran yang diunjurkan oleh agensi persekutuan tersebut serta wajar dicontohi negeri-negeri lain.

Ketua Pegawai Eksekutif LHDN Malaysia, Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin pula memberitahu bahawa prestasi pencapaian kutipan cukai pejabat HASiL di Pulau Pinang sehingga 31 Mei 2024 ialah sebanyak RM3.542 bilion iaitu suatu pencapaian yang positif berbanding sasaran kutipan yang ditetapkan bagi negeri Pulau Pinang bagi tempoh yang sama.

"Momentum positif ini akan diteruskan bagi mencapai sasaran tahunan pejabat Pulau Pinang sebanyak RM8.099 bilion," ujarnya.

Selain Kon Yeow, hadir sama, Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying yang juga Ahli Parlimen Tanjong; Ketua Setiausaha Perbendaharaan merangkap Pengerusi Anggota Lembaga LHDN Malaysia, Datuk Johan Mahmood Merican; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Rosli Isa dan Pengarah Negeri LHDN Malaysia Pulau Pinang, Nasruddin Mat Nasir yang juga Pengerusi Majlis Perasmian Menara HASiL Pulau Pinang.

# PBAHB umum dividen akhir satu peringkat 1.75 sen sesaham

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** PBA Holdings Bhd. (PBAHB) mengumumkan dividen akhir satu peringkat sebanyak 1.75 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa tarikh kelayakan ditetapkan 15 Julai, dengan jumlah unjuran pembayaran kepada 7,507 pemegang saham berjumlah RM5.792 juta menjelang 26 Julai.

"Dengan pembayaran dividen akhir ini, pemegang saham PBAHB akan menerima dividen satu peringkat bersih sebanyak 3.5 sen sesaham untuk 2023," katanya pada sidang media selepas menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) PBAHB ke-24 di sini 27 Jun lalu.

Beliau berkata, keuntungan bersih PBAHB bagi tahun 2023 berjumlah RM34.348 juta adalah lebih rendah daripada RM77.116 juta yang dilaporkan untuk tahun 2022.

"Hal ini disebabkan oleh keuntungan bersih sebanyak RM49 juta untuk aset tertunda yang diiktiraf pada 2022, dan tidak tersedia pada tahun kewangan 2023.



KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan PBAHB ketika berlangsungnya Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) PBAHB ke-24 di sini baru-baru ini.

"Peruntukan cukai adalah bagi 'aset cukai tertunda yang diiktiraf untuk elaun pelaburan semula yang tidak digunakan setakat yang berkemungkinan untuk pengiktirafan,'' jelasnya.

Namun begitu, Kon Yeow memberitahu bahawa keuntungan sebelum cukai (PBT) bagi 2023 ialah RM68.410 juta, meningkat 107.3 peratus daripada RM32.998 juta pada 2022.

"Peningkatan ini didorong terutamanya oleh semakan kadar air pada tahun 2023 untuk penggunaan bukan domestik yang merujuk kepada penggunaan oleh pengguna perniagaan dan organisasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang," jelasnya.

Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi turut menekankan bahawa Kerajaan Persekutuan menetapkan kadar air domestik baharu untuk isi rumah Pulau Pinang, berkuat kuasa 1 Februari 2024.

"Kadar baharu ini juga ditetapkan secara serentak di 10 negeri lain di Semenanjung Malaysia serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya," ulasnya.

Dalam pada itu, Kon Yeow turut menggariskan empat rasional utama untuk kadar air domestik Pulau Pinang 2024:

(i) Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) membekalkan purata 877 juta liter sehari (JLH) air terawat pada 2023, yang tertinggi dalam sejarah Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, isu air terputus-putus dilaporkan berlaku di beberapa kawasan kejiranan di Seberang Perai Selatan (SPS) dan Daerah Barat Daya (DBD).

(ii) Subsidi air domestik PBAPP berjumlah RM116 juta pada 2023, tahap yang dianggap tidak mampan. Dengan kadar 2024, subsidi kepada pengguna air domestik di Pulau Pinang masih diberikan, namun pada tahap yang lebih boleh diterima.

(iii) Penggunaan domestik per kapita Pulau Pinang ialah 284 liter per kapita sehari (LKH) pada 2023, lebih tinggi berbanding purata nasional 237 LKH pada 2022 dan 141 LKH Singapura pada 2023. Kadar baharu itu dijangka menggalakkan penggunaan air yang lebih cekap di rumah, sejajar dengan Visi Penang2030.

(iv) Kos membekalkan air di Pulau Pinang telah meningkat sebanyak 30 peratus sejak semakan tarif terakhir pada 2015, didorong oleh faktor-faktor seperti Pelepasan Kos Tidak Berimbang (ICPT) TNB dalam caj elektrik dan kos tenaga yang lebih tinggi untuk mengepam air terawat.

Di samping itu, Kon Yeow turut mengumumkan rebat air domestik RM11 juta sebagai langkah muhibah yang memanfaatkan majoriti pelanggan PBAPP.

"Rebat itu akan mengecualikan pengguna domestik daripada dibilkan untuk penggunaan 10,000 liter pertama dalam tiga bil air dwi-bulanan antara 1 Julai dan 31 Disember tahun ini.

"Jumlah penjimatan bagi setiap pengguna air domestik sebanyak RM18.60 dalam tempoh enam bulan yang ditetapkan dengan unjuran impak ke atas hasil PBAPP kira-kira RM11 juta.

"Isyarat 'mesra keluarga' ini bertujuan menyediakan kepada isi rumah Pulau Pinang dengan satu *'soft landing'* terhadap kadar air domestik Pulau Pinang 2024," ujarnya.

## Capai kadar transaksi digital lebih 95 peratus diiktiraf 'Negeri Cashless 2024'

**GEORGE TOWN -** Pulau Pinang menerima pengiktirafan sebagai 'Negeri Cashless 2024' selepas berjaya mencapai kadar transaksi digital melebihi 95 peratus dari Januari sehingga Mei 2024.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa dari 1 Januari hingga 31 Mei lalu, semua jabatan dan agensi pemungut hasil Kerajaan Negeri berjaya memungut sebanyak 5,490,371 kadar transaksi atau 95.31 peratus daripada jumlah bilangan transaksi keseluruhan.

Beliau berkata, jumlah itu membabitkan kutipan hasil yang diperoleh sebanyak RM516,062,766.73 atau 65.07 peratus daripada keseluruhan nilai kutipan hasil.

"Gembira saya umumkan bahawa Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri yang berjaya menunjukkan konsistensi mencapai piawaian untuk menjadi negeri *cashless* yakni melebihi 95 peratus kadar transaksi tanpa tunai," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Kempen Hari Tanpa Tunai Agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2024 dekat sini 11 Julai lalu.

Sehubungan itu, Kon Yeow menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyasarkan 97 peratus pembayaran secara tanpa tunai akan dapat dicapai menjelang tahun 2030.

"Bagi menyokong hasrat tersebut, Kerajaan Negeri akan melaksanakan Kempen Hari Tanpa Tunai Agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang selama tiga bulan, pada setiap hari Jumaat bermula 1 Ogos sehingga 31 Oktober 2024.

"Orang awam yang ingin melakukan sebarang pembayaran di kaunter-kaunter pejabat kerajaan pada setiap hari Jumaat hendaklah membuat pembayaran secara kaedah e-pembayaran yang disediakan seperti *e-wallet*, *QR Code*, *online banking* atau terminal kad debit/kredit.

"Selain itu, orang awam juga boleh membuat pembayaran di *smart kiosk* dan secara atas talian melalui portal kerajaan seperti portal e-Bayar, *Aspire*, *MBSPPay*, *Cyber Counter* dan lain-lain," katanya.

Menurut Kon Yeow, bagi meneruskan agenda transformasi digital di negeri ini, Kempen Hari Tanpa Tunai Agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2024 turut memfokuskan untuk mentransformasikan peniaga kecil dan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

"Secara tidak langsung, pelaksanaan perkhidmatan e-pembayaran ini juga akan dapat meningkatkan hasil kutipan Kerajaan Negeri dan seterusnya menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi Pulau Pinang secara keseluruhan," jelasnya yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu bahawa Digital Penang Corporation yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri turut giat dalam mempromosikan proses pendigitalan ekonomi negeri ini kepada peniaga dan rakyat melalui pendekatan lebih mesra pengguna.

"Kerajaan Negeri turut mengharapkan kerjasama daripada semua pengguna dan peniaga untuk sama-sama menyokong inisiatif pembayaran tanpa tunai ini dan seterusnya meningkatkan daya saing untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri pintar," ujarnya.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Kon Yeow berkata bahawa walaupun Kerajaan Negeri menetapkan sasaran 97 peratus, tetapi MBPP telah berjaya mencapai 100 peratus jumlah transaksi pembayaran tanpa tunai.

"Namun begitu, kita tidak boleh rasa terlalu selesa kerana masih banyak usaha perlu dilakukan untuk menjadikan pembayaran tanpa tunai sebagai amalan biasa di tempat-tempat awam, selain di agensi-agensi kerajaan.

"Justeru, kempen tanpa tunai yang dilancarkan pada hari ini adalah sebagai penggalak untuk meningkatkan lagi amalan pembayaran tanpa tunai di negeri ini.

"Kerajaan Negeri juga akan menggalakkan pembayaran tanpa tunai dalam kalangan warga emas seperti menyediakan kursus berkaitan penggunaan teknologi sepertimana yang dilaksanakan oleh Digital Penang," katanya.

# Kereta kabel Bukit Bendera jangka siap Q3 2026







**ILUSTRASI artis yang menunjukkan reka bentuk stesen kereta kabel Bukit Bendera.**

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**KEBUN BUNGA** - Projek kereta kabel Bukit Bendera bukan sahaja bakal merancakkan lagi aktiviti pelancongan di pusat peranginan Bukit Bendera di sini, malah mengubahnya menjadi mercu tanda baharu dan kebanggaan rakyat Pulau Pinang apabila siap kelak.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa projek yang bakal meningkatkan ketersambungan dan kebolehcapaian ke Bukit Bendera itu juga akan memberi daya tarikan baharu yang ikonik sama seperti perkhidmatan funikular Bukit Bendera sebelum ini.

"Projek ini berfungsi sebagai pengangkutan alternatif baharu ke puncak bukit dan pada masa sama memberi peluang kepada pengunjung untuk menikmati keindahan semula jadi serta biodiversiti Bukit Bendera.

"Malah, ia juga akan mengindahkan kawasan Taman Botani ini dengan landskap serta infrastruktur yang lebih baik dan apabila siap kelak, ia turut memberi impak terhadap pengurusan trafik pelancong ke Bukit Bendera terutama semasa musim-musim puncak," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pecah Tanah Kereta Kabel Bukit Bendera yang disempurnakan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Utama Anwar Ibrahim di sini pada 29 Jun lalu.

Menurut Kon Yeow, jajaran kereta kabel sepanjang 2.73 kilometer itu akan bermula dari Stesen Taman Ekonomi sedia ada di Taman Botani dan berakhir di puncak Bukit Bendera di belakang Balai Polis Bukit Bendera.

"Jajaran ini akan dilengkapi dengan 50 gondola lapan tempat duduk dengan masa perjalanan untuk ke puncak adalah kurang daripada 10 minit dan semua infrastruktur utama dalam pembangunan ini adalah berpandukan kepada pensijilan Indeks Bangunan Hijau (GBI) Tahap Emas.

"Secara ringkas, projek yang dijangka siap pada suku ketiga (Q3) tahun 2026 ini akan menjadi pintu masuk ke Rizab Biosfera Bukit Bendera yang merupakan pemangkin transformasi pusat peranginan bukit tersebut.

"(Dan) Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa komited untuk terus memelihara Bukit Bendera untuk generasi akan datang sambil mengembangkan ekonomi tempatan melalui pelancongan mampan," kata Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi itu.

Dalam pada itu, Anwar memuji Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Perbadanan Bukit Bendera (PHC) dan syarikat pemaju Hartasuma Sdn. Bhd. (Hartasuma) atas semua usaha teliti yang dilakukan untuk memastikan projek tersebut dapat direalisasikan.

Beliau menggesa Hartasuma supaya memastikan projek kereta kabel itu mengambil kira aspek budaya tempatan selain mempamerkan keindahan alam semula jadi di Bukit Bendera yang unik dan bersejarah.

"Ini adalah termasuk langkah untuk meminimumkan kesan alam sekitar melalui perancangan rapi dan usaha untuk memelihara bukan sahaja tumbuh-tumbuhan malahan hidupan liar di sini," katanya.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Hartasuma, Ravindran menjelaskan bahawa pihaknya akan memperkenal perkhidmatan bas pengantara elektrik yang menghubungkan stesen di Taman Botani dengan stesen funikular.

"Perkhidmatan bersepadu ini akan mewujudkan gelung transit yang membenarkan pengunjung untuk membuat pilihan mod pengangkutan untuk ke puncak Bukit Bendera.

"Kami (Hartasuma) menyasarkan untuk menjadi rakan kongsi utama PHC dan entiti yang beroperasi di sini untuk mengubah Bukit Bendera menjadi destinasi yang meraikan ekologi, komuniti tempatan dan peluang ekonomi baharu untuk rakyat Pulau Pinang," jelasnya.

Sebagai rekod, Kerajaan Negeri melalui PHC merupakan pemilik bagi projek kereta kabel ini yang mana syarikat Hartasuma, perintis dalam industri rel telah dianugerahkan konsesi selama 30 tahun melalui perkongsian awam-swasta atas pertimbangan reka bentuk, kewangan, bina, kendali dan pemindahan (DFBOT).

Syarikat itu telah melantik peneraju pasaran *ropeway* yang berpangkalan di Austria iaitu *Doppelmayr Seilbahnen GmbHfor* (Doppelmayr) untuk membekalkan sistem kereta kabel.

Doppelmayr mempunyai rekod prestasi yang tiada tandingan dengan lebih 15,400 pemasangan *'ropeway'* termasuk 86 pemasangan kereta kabel yang terletak di tapak warisan, *geopark* dan biosfera serta taman negara di seluruh dunia.

Hartasuma dikatakan akan melabur sekurang-kurangnya RM245 juta dalam projek ini.

## *"Most Mee Goreng Sotong Giveaway"* tiga generasi peroleh pengiktirafan MBOR

**GEORGE TOWN** - Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), *Young Muslim Sports Club* (YMSC) bersama-sama Seeni Food & Beverage Sdn. Bhd. berjaya memperoleh pengiktirafan *Malaysia Book of Records* (MBOR) bagi kategori *'Most Mee Goreng Sotong Giveaway'* secara percuma kepada orang awam pada 23 Jun lalu.

Difahamkan, tepat jam 3.45 petang hari berkaitan, sebanyak 10,200 pek mi goreng berjaya direkodkan dan digoreng oleh tiga generasi keluarga sama iaitu Sheik Abidin AKM Mustaffa, 80; anaknya, Seeni Mohamed Sheik Abidin, 47, dan cucu, Syed Muhammad Hafiz Seeni Mohamed, 24.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa penganjuran program sebegini mampu menjadi wadah dalam menyatu padukan rakyat demi menjayakan satu inisiatif amat bermakna yang mana ia mencabar sejauh mana keupayaan serta keyakinan sesebuah pertubuhan dalam mendapatkan sokongan daripada masyarakat selari dengan Visi Penang2030 di bawah Tema C iaitu "Memperkasakan Rakyat Bagi Meningkatkan Penyertaan Awam".

"Saya difahamkan bahawa program hari ini merupakan hari kedua penganjuran memasak tanpa henti selama 24 jam yang diusahakan oleh pihak YMSC, dan di negeri ini, Kerajaan Negeri sememangnya menggalakkan komuniti untuk sentiasa aktif dalam menganjurkan pelbagai program serta inisiatif.

"Ini adalah supaya kita dapat sama-sama menggemblengkan tenaga menjayakan projek bagi memperkasakan komuniti ke arah jati diri, disiplin dan akhirnya mencapai kemajuan demi kebaikan semua pihak," ujarnya semasa majlis penutup program berkenaan dekat Padang Kota Lama di sini pada hari berkenaan.

Hadir sama, Datuk Bandar MBPP, Dato' Ir. A. Rajendran; Presiden YMSC, Munawer Sadiq; Presiden Liga Muslim Pulau Pinang, Datuk Haja Najmudeen Kader serta wakil-wakil dari MBOR.

Pada sesi sama, Kon Yeow turut menyambut baik usaha pertubuhan-pertubuhan lain mencipta rekod di bawah MBOR.

"Tahniah dan syabas diucapkan bagi kejayaan yang diperoleh pada hari ini, oleh itu saya berharap pencapaian tersebut mampu menjadi pemangkin kepada pertubuhan-pertubuhan lain untuk mencipta rekod-rekod di bawah MBOR.

"Jika ditanya mengenai rekod MBOR di Pulau Pinang, dalam setahun (mungkin) sebanyak 10 hingga 20 rekod dicapai, terkini atas inisiatif Yang Dipertua (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak, 'Penanaman Satu Juta Pokok Dalam Sehari Sempena sambutan Hari Bumi' berjaya dicapai melibatkan pelbagai lokasi di seluruh negeri Pulau Pinang," katanya.

Serentak itu, majlis turut diserikan dengan sesi menandatangani plak MBOR bagi kategori *"Most Mee Goreng Sotong Giveaway"* yang disempurnakan oleh Kon Yeow.

Sebelum ini, YMSC telah mencipta rekod pertama MBOR dengan melukis dan mengecat mural Jalur Gemilang terpanjang di Malaysia iaitu sepanjang 541 meter (m) dengan ketinggian 3.3 m di tembok Jalan Tanjong Bungah.

*(Wawancara penuh di muka surat 8 - 9).*

# Hari Penderma Darah Sedunia rai 29 penderma tegar

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SEBERANG JAYA -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memuji usaha murni pihak Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) dan Jabatan Perubatan Transfusi Hospital Pulau Pinang (HPP) yang terus menerus menganjurkan aktiviti menderma darah agar masyarakat sentiasa sedar akan kepentingannya secara konsisten.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena Majlis Perasmian Program Sambutan Hari Penderma Darah Sedunia 2024 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini pada 30 Jun 2024.

"Kerajaan Negeri sentiasa menyokong sebarang program dan aktiviti yang dilaksanakan selaras dengan Visi Penang2030 menerusi agenda memperkasakan rakyat melalui penyertaan masyarakat dalam merealisasikan aspirasi bersama ini.

"Bertemakan *'20 years of celebrating giving: Thank you blood donors!'*, saya amat terharu dan bersyukur kerana Pulau Pinang dikurniakan masyarakat yang bersatu padu serta sedia membantu tanpa mengira latar belakang.

"Buktinya, pada tahun 2023, sebanyak 47,714 beg darah berjaya dikutip dari semua hospital Kementerian Kesihatan (KKM), ini telah menunjukkan bahawa rakyat Pulau Pinang sentiasa peka untuk menderma darah kepada insan yang lebih memerlukan," katanya.

Hadir sama, Exco Belia, Sukan dan Kesihatan, Daniel Gooi Zi Sen; Timbalan Pengarah JKNPP, Dr. S. Shameni Sunasundram; Pengarah Hospital Pulau Pinang (HPP), Dr. Goh Hin Kwang; Ketua Jabatan Perubatan Transfusi HPP, Dr. Soo Peng Yen serta ketua-ketua jabatan dan agensi kerajaan.

Mengulas lanjut, Kon Yeow turut memuji usaha warga kesihatan dalam memastikan bekalan darah sentiasa mencukupi, selamat serta berkualiti untuk memenuhi keperluan semasa.

"Saya juga turut difahamkan, sekurang-kuranganya sebanyak 130 beg sel darah merah diperlukan dalam satu hari di setiap hospital seluruh Pulau Pinang.

"(Dan) walaupun kutipan dan stok darah agak memberangsangkan di negeri ini, namun kita tidak boleh mengambil sikap leka kerana saban tahun keperluan dan penggunaan darah juga turut meningkat seiring peningkatan pelbagai jenis penyakit yang memerlukan transfusi darah.

"Sehubungan itu, saya berharap agar usaha murni ini akan terus menerus mendapat sokongan daripada barisan pemimpin, badan bukan kerajaan (NGO) dan yang paling penting adalah rakyat supaya kita bersama-sama memainkan peranan penting dalam menjaga antara satu sama lain," tambahnya.



**KETUA Menteri sambil diiringi oleh Daniel Gooi Zi Sen (berkemeja putih) meramahi salah seorang penderma darah pada Majlis Perasmian Program Sambutan Hari Penderma Darah Sedunia 2024 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

Pada majlis sama, seramai 29 penderma darah menerima penghargaan khas membabitkan golongan belia yang berusia 35 tahun dan ke bawah, yang telah banyak menderma darah serta menyelamatkan nyawa pesakit di negeri Pulau Pinang secara amnya.

# Baderul Amin, Datuk Bandar MBSP baharu

**SEBERANG JAYA -** Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Baderul Amin Abdul Hamid mengangkat sumpah sebagai Datuk Bandar yang baharu pada 26 Jun lalu.

Lafaz sumpah penerimaan jawatan dilakukan di hadapan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sambil disaksikan oleh Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid; Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jason H'ng Mooi Lye dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Rosli Isa.

Bercakap kepada pemberita, Kon Yeow memberitahu bahawa susulan pengosongan kerusi Datuk Bandar MBSP yang berlaku dalam masa agak singkat, Kerajaan Negeri perlu mengisi kekosongan jawatan tersebut dengan segera supaya momentum pentadbiran tidak terganggu.

"Walaupun dalam masa yang singkat, ini bukan bermakna Kerajaan Negeri tidak mempunyai calon yang layak.

"Pelantikan ini adalah kesinambungan bagi Datuk Bandar yang baharu kerana beliau sebelum ini pernah memegang jawatan sebagai Setiausaha Bandaraya, pengarah kejururteraan dan telah berkhidmat di MBSP selama 33 tahun.

"Saya percaya dengan pengalaman, pengetahuan dan iltizam serta komitmen yang ada pada diri beliau sudah mencukupi untuknya menggalas tanggungjawab sebagai Datuk Bandar MBSP yang baharu," katanya pada sidang media usai Majlis Angkat Sumpah Penerimaan Jawatan Datuk Bandar MBSP dekat Dewan Kenanga, Menara Bandaraya MBSP di sini sebentar tadi.

Kon Yeow menyatakan bahawa sejak tahun 2008, MBSP berjaya menunjukkan pencapaian cemerlang walaupun berdepan pelbagai cabaran memandangkan Seberang Perai merupakan kawasan PBT yang terbesar di negara ini.

"Seperti yang saya sering tekankan bahawa masa depan Pulau Pinang adalah di Seberang Perai.

"Namun, seiring dengan kerancakan pembangunan kawasan Seberang Perai, ia juga telah membawa kepada masalah kekangan infrastruktur, dan cabaran inilah yang kini diletakkan di bahu Datuk Bandar yang baharu," katanya.

Sementara itu, Baderul Amin memberitahu bahawa beliau akan terus menumpukan kepada tiga perkara utama iaitu dalam aspek pembersihan, penguatkuasaan dan peningkatan hasil bagi MBSP.

"Saya ingin ketengahkan konsep Back To Basic, yang mana kita kembali melihat hakiki tanggungjawab sebuah PBT.

"Isu pembersihan, penguatkuasaan dan kewangan (hasil) adalah cabaran utama yang perlu dititikberatkan.

"Di samping itu, kita juga mahu menjadikan MBSP sebagai kawasan PBT yang lebih berdaya saing dan mampu menarik minat kehadiran pelancong serta pelabur.

"Inilah hala tuju MBSP, walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran besar tetapi itu bukan halangan bagi kami," jelasnya sambil menzahirkan penghargaan kepada barisan kepimpinan Kerajaan Negeri atas pelantikan tersebut.

Baderul Amin mula berkhidmat dengan MBSP sejak tahun 1991 sebagai jurutera dan dilantik sebagai Timbalan Pengarah Kejuruteraan.



**Baderul Amin Abdul Hamid.**






**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri meraikan para penderma darah tegar bersempena penganjuran Program Sambutan Hari Penderma Darah Sedunia 2024 Peringkat Negeri Pulau Pinang pada 30 Jun 2024.**

# "Kalau tidak derma darah, rasa ada sesuatu tidak kena"

**DERMA** darah mampu menyelamatkan nyawa, itu antara slogan yang digunakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam menggalakkan masyarakat membudayakan amalan tersebut.

Tidak dinafikan, darah amat diperlukan di hospital-hospital melibatkan urusan kritikal seperti pembedahan, merawat kecederaan akibat kemalangan dan lain-lain yang boleh merisikokan nyawa sekiranya tidak mendapat bekalan darah yang mencukupi.

Atas alasan itulah Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) dan Jabatan Perubatan Transfusi Hospital Pulau Pinang (HPP) menghargai 29 penderma darah tegar dalam sambutan Program Sambutan Hari Penderma Darah Sedunia 2024 Peringkat Negeri Pulau Pinang pada 30 Jun 2024.

Penulis Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** bersama-sama jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** sempat menemu bual salah seorang penderma darah tegar yang menerima anugerah tersebut.

**MUHAMAD FARIDH SALIM**, 29, telah menjadi inspirasi terutamanya kepada golongan muda untuk terlibat sebagai penderma darah.

Menurutnya, beliau mula menderma darah seawal usia 20 tahun apabila sering kali mengikut keluarganya melaksanakan 'tanggungjawab' tersebut pada setiap tiga bulan.

"Menderma darah sudah jadi 'acara wajib' kepada saya setiap tiga bulan sekali, jika saya tidak menderma (darah) dalam tempoh itu, saya akan merasakan semacam sesuatu yang tidak kena.

"Untuk jadi penderma darah tetap kita perlu pastikan tubuh badan sentiasa sihat, pelbagai syarat ada dinyatakan sebelum menderma, jadi menderma darah secara tidak langsung akan menggalakkan kita untuk jaga kesihatan," ujarnya ketika ditemui baru-baru ini.

Muhamad Faridh dalam pada itu sempat berkongsi pengalaman pertama yang dilihat sukar diatasi dan menjadi punca ketakutan masyarakat untuk menderma darah.

"Pertama kali saya derma hanya 350 mililiter (ml), selepas derma kalau nak dikatakan pening-pening itu tidak ada tetapi selepas menderma, selera makan agak bertambah, itu apa yang saya rasalah.

"Kesan sampingan ini mungkin berbeza bagi setiap individu, lagipun ada kajian yang saya difahamkan, menderma darah ibarat kita membakar hampir 500 kalori, mungkin itu adalah faktor yang membuatkan saya rasa lapar," ulasnya yang bekerja dalam sektor perindustrian.

Muhamad Faridh turut sempat berkongsi mengenai kepentingan menderma darah yang terkait tentang kesihatan diri sendiri selain dapat membantu menyelamatkan nyawa insan lain.

"Pada pendapat saya, menderma darah ibarat mengitar semula darah, apabila kita kehilangan darah selepas menderma, badan kita akan menghasilkan kembali sel darah baharu untuk menampung kehilangan darah.

"Kita ambil contoh macam kenderaan yang mana dalam tempoh tertentu perlu menukar minyak enjin, jadi di sinilah kita memperbaharui sel-sel darah untuk tubuh badan kita menjalankan fungsinya

"Kesan sampingan positif lain adalah ia menjadikan kita lebih awet muda akibat penghasilan sel-sel baharu ini, di samping rasa tubuh kita lebih segar," kongsinya lanjut.

Selepas hampir 10 tahun menjadi penderma, Muhamad Faridh bersyukur dan turut mendapati dirinya lebih sihat, tidak kerap demam atau jarang dimasukkan ke hospital akibat sakit dan sebagainya.

Perkara itu sekali gus menafikan mitos yang suka mengaitkan amalan derma darah menjadikan seseorang itu mudah jatuh sakit.

Sebelum menutup bicara, Muhamad Faridh sempat berkongsikan beberapa perkara yang lazim diamalkan sebelum menderma darah.

"Bagi mereka yang baru hendak mula menderma darah seeloknya minum air kosong secukupnya dan pastikan mendapat tidur yang cukup sekurang-kurangnya lima jam.

"Kepada belia yang belum pernah menderma darah, cubalah lakukannya, anda pasti akan dapat rasai perbezaan pada tubuh badan anda terutamanya menjadi lebih segar dan sihat.

"Akhir sekali, saya hendak titipkan pesanan, ingatlah dalam kita dikurniakan rezeki kesihatan, mungkin ada rezeki orang lain di dalamnya, jadi dermalah darah untuk manfaat kepada masyarakat," kata anak jati Kepala Batas itu lagi.



**MUHAMAD Faridh Salim (tengah) bersama-sama dua lagi penerima anugerah ketika ditemui usai Program Sambutan Hari Penderma Darah Sedunia 2024 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

# Dua keluarga Hakka pernah hidup harmoni

**PULAU** Aman yang terletak kira-kira 16 batu nautika dari Seberang Perai dan lapan kilometer (km) dari Jambatan Pulau Pinang, sungguhpun jauh dari arus pembangunan moden negeri, tetap jua mempunyai tarikan tersendiri.

Pulau seluas 116.5 hektar itu ketika kini didiami kira-kira 50 keluarga dengan jumlah populasi penduduk berbangsa Melayu seramai 270 orang.

Di celah-celah majoriti penduduk asal yang berbangsa Melayu dan beragama Islam, percaya atau tidak terdapat dua keluarga berbangsa Cina daripada jalur Hakka di kawasan tersebut.

Demikian kata 'Ah Chin' atau nama sebenarnya **LIEW YOON CHIN**, 88, dalam wawancara bersama-sama wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** di Komtar pada 18 Jun 2024.

Ah Chin, ditemani dua sepupunya, **LIEW YUEN CHIN**, 83, dan **LIEW SWEE CHIN**, 76.

"Saya boleh dikatakan sebatang kara, mungkin kerana anak perempuan waktu itu 'tak laku', semasa saya berusia tiga tahun, ibu saya meninggal dunia dan ayah saya terus pulang ke Tongshan (Republik Rakyat China).

"Di Pulau Aman ini, seingat saya bukan hanya ada dua keluarga kecil berbangsa Cina yang hidup aman damai bersama-sama penduduk asal lain yang rata-rata berbangsa Melayu dan beragama Islam.

"Mereka tinggal berhampiran jeti Pulau Aman.

"Selain keluarga saya, satu lagi keluarga yang tinggal dekat telaga air adalah keluarga sepupu saya, Liew Yuen Chin dan Liew Swee Chin," jelasnya.

Bercerita lanjut, 'Ah Chin' memberitahu bahawa beliau lahir dan tinggal di Pulau Aman sejak tahun 1936 iaitu sebelum Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tanggal 31 Ogos 1957.

"Semasa era pemerintahan Jepun di sini (dari 8 Disember 1941 sehingga 31 Januari 1945), saya masih tinggal di Pulau Aman.

"Semasa saya berusia 16 tahun pada tahun 1952 atau 1954 (sebelum Malaya merdeka), barulah saya berhijrah keluar dari Pulau Aman bersama-sama keluarga," ujarnya yang kini menetap di bahagian pulau negeri Pulau Pinang.

Menyambung cerita, Yuen Chin memberitahu bahawa di Pulau Aman kini memang tiada lagi rumah pusaka keluarganya, melainkan ada struktur tiang asal serta telaga tinggalan di depan rumahnya.

"Yang terkenal di Pulau Aman memang telaga emas kerana kilauan batu pada air telaga itu seakan-akan warna keemas-emasan.

"Selain struktur tiang asal rumah pusaka kami, tinggalan lain yang ada antaranya adalah sebuah telaga di depan tapak asal rumah pusaka kami.

"Telaga ini bukan sahaja menjadi sumber air kami sekeluarga, malah untuk keperluan jiran-jiran yang rata-rata berbangsa Melayu dan pada masa itu kami hidup secara harmoni.

"Menyorot sejarah juga, sehingga kini masih terdapat tangga asal *Tua Pek Kong* (rumah ibadat bukan Islam, RIBI).

"Selain Sekolah Kebangsaan (SK) Pulau Aman yang terletak di kawasan tanah rendah pulau itu, di kawasan tanah tinggi pulau dahulu pernah ada sebuah sekolah rendah Cina (yang mana) dalam satu kelas ada murid-murid pelbagai umur belajar mengikut silibus masing-masing disebabkan jumlah murid-murid di pulau ini adalah terhad," ulasnya sambil mendendangkan lagu rasmi sekolah yang pernah dinyanyikan semasa beliau di bangku sekolah pada setiap pagi sebelum sesi pembelajaran bermula.

Tambah Yuen Chin, proses asimilasi budaya dalam kalangan penduduk asal Pulau Aman yang rata-rata adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam membuatkan beliau masih mengingati beberapa gurindam asal penduduk setempat di sini.

Walaupun pada mulanya Yuen Chin agak malu untuk mendendangkan gurindam asal yang sampai kepadanya semasa kecil namun selepas dipujuk, beliau secara spontan menyebut:

"*Loi Loi Cak*,
"Cak ikan pari,
"Anak berteriak,
Mak pergi cari lagi."

Bermastautin di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Yuen Chin menyatakan bahawa dua tahun lepas memang beliau pernah kembali menjejakkan kaki di Pulau Pinang serta mencari kenalan yang seusia dengannya yang mungkin masih tinggal di pulau tersebut.

"Semasa ayah masih hidup, memang pernah mengambil sewa tapak daripada beberapa penduduk asal.

"Sampai suatu masa, dengan pertolongan Pengerusi JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung), tanah di sini dikecualikan dari bayaran cukai.

"Sejak itu, ayah sendiri memang tidak mengutip sewa tapak lagi daripada beberapa keluarga yang mendirikan rumah mereka di sekeliling rumah kami.

"Masa kecil memang ada banyak kenangan seperti memanjat pokok, menarik sampan semasa air surut untuk menikam ikan di perairan laut, mengutip kerang dan sebagainya (yang mana) semua kenangan ini sudah tentu menggamit perasaan saya dan adik-beradik untuk kembali menjenguk tempat jatuh bangun kami hidup semasa kanak-kanak pada suatu masa dahulu," katanya.

*(Sambungan di muka 7).*



**SEBAHAGIAN anggota keluarga besar Liew Swee Chin merakam gambar kenang-kenangan dengan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik (duduk, kanan sekali) pada sesi wawancara di sini baru-baru ini.**



**KOLEKSI gambar Liew Yoon Chin semasa usia tujuh tahun di Pulau Kra atau Pulau Aman.**



**KOLEKSI gambar dua keluarga Cina Hakka yang pernah mendiami Pulau Kra atau Pulau Aman sejak sebelum Malaya merdeka.**

*(Sambungan dari muka 6)..*

# di celah-celah komuniti Melayu Pulau Aman

Dalam wawancara hampir sejam, Yoon Chin dan Yuen Chin masing-masing lebih banyak berceloteh mengenai keadaan harmoni dua keluarga kecil berbangsa Cina di celah-celah majoriti komuniti Melayu yang beragama Islam yang mana ia sesuatu yang mungkin perlu disanjung oleh rakyat Malaysia berbilang bangsa pada hari ini.

Sementara itu, individu yang agak 'mengunci mulut' semasa wawancara di sini adalah saudara paling bongsu dalam kalangan ketiga-tiga mereka, iaitu Swee Chin.

Swee Chin menyatakan bahawa beliau masih menyimpan sijil lahir di Pulau Aman, sungguhpun kini telah berhijrah ke negara Republik Rakyat Singapura.

"Sebelum dikenali sebagai Pulau Aman, nama asal pulau ini dahulu adalah Pulau Kra atau Pulau Kera.

"Dinamakan sebagai Pulau Kra atau Kera, mungkin disebabkan begitu banyak habitat monyet atau kera di pulau ini.

"Saya memang dilahirkan di Pulau Kera, dengan bantuan bidan tempatan, maka sebab itu pada sijil kelahiran saya tertera tempat lahir saya di Pulau Kera (yang mana kini dikenali sebagai Pulau Aman)," jelasnya.



**KOLEKSI gambar lama pemandangan dari atas Pulau Kra atau Pulau Aman pada era 1950-an.**

Selain naratif-naratif yang dikongsikan oleh Yoon Chin dan Yuen Chin, Swee Chin memberitahu bahawa salinan dokumen sijil lahirnya itu mungkin adalah satu lagi bukti bahawa di celah-celah penduduk Pulau Aman yang berbangsa Melayu dan Islam kini, sebenarnya pernah ada dua keluarga Cina dari komuniti Hakka yang pernah menjadi sebahagian penduduk asal di pulau yang menyimpan '1001 kisah terpendam' di situ.



**LIEW Swee Chin (tengah) sambil diperhatikan Liew Yuen Chin (kiri sekali) dan Liew Yoon Chin menunjukkan sijil kelahirannya yang tertera asal tempat lahir di Pulau Kra atau kini dikenali sebagai Pulau Aman.**





TAMAN DAMAI HARMONI - GENERAL SUPREME SDN BHD(401381-V)
No. Lesen Pemajuan Perumahan:10283/11-2026/0662(A) | Sah untuk 7 tahun dari 13/11/2014 sehingga 12/11/2026 | No. Permit Iklan dan Jualan: 10283-3/09-2025/1005(N)-(L) | Sah untuk 2 tahun dari 06/09/2023 hingga 05/09/2025 | Pihak yang meluluskan pelan bangunan: MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI | No rujukan pelan: MBSP/40/20-40/44 | Bebanan Tanah: Alliance Bank Malaysia Berhad

# Seeni Mee Sotong

## perluas rangkaian perniagaan



HIDANGAN mi sotong istimewa yang berjaya memecahkan rekod MBOR bagi kategori *'Most Mee Goreng Sotong Giveaway'*.




SYED Muhammad Hafiz Seeni Mohamed.

**BERJAYA** memecahkan rekod *Malaysia Book of Records* (MBOR) baru-baru ini, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), *Young Muslim Sports Club* (YMSC) bersama-sama Seeni Food & Beverage Sdn. Bhd. memperoleh pengiktirafan bagi kategori *'Most Mee Goreng Sotong Giveaway'* secara percuma kepada orang awam.

Menariknya, sebanyak 10,200 pek mi goreng berjaya direkodkan dan digoreng oleh tiga generasi keluarga sama iaitu Sheik Abidin AKM Mustaffa, 80; anaknya, Seeni Mohamed Sheik Abidin, 47, dan cucu, Syed Muhammad Hafiz Seeni Mohamed, 24.

Wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** dan jurugambar **LAW SUUN TING** berkesempatan bertemu dengan **SYED MUHAMMAD HAFIZ** baru-baru ini dekat premis Seeni Mee Sotong untuk mengetahui lebih lanjut cerita di sebalik kejayaan beliau dan keluarga menempa rekod.

### Latar belakang

Menurut Syed Muhammad Hafiz atau lebih mesra disapa Hafiz, beliau merupakan generasi ketiga yang meneruskan perniagaan keluarga pada masa kini sejak dimulakan oleh moyangnya 47 tahun dulu.

"Perniagaan mi sotong ini diasaskan pada tahun 1977 oleh moyang, Syed Muhammad menggunakan kereta tolak kayu beroda tiga dan bergerak sekitar Pengkalan Weld ke Dewan Sri Pinang.

"Kemudian, sekitar tahun 1990 baru (kami) mula berniaga di *Penang Bazaar*, Jalan Penang dan kini sudah hampir 20 tahun perniagaan mi sotong bertapak di sini.

"Dulu, saya sering mengikut ayah ke premis (Seeni Mee Sotong) sejak umur sembilan tahun, sudah tentu saya merebut peluang untuk cuba menggoreng mi sendiri dan kini memahirinya," ujar beliau yang kini berpengalaman lebih 15 tahun di dapur membantu ayahnya.

### Menu dan produk istimewa

Hafiz yang merupakan graduan dari Universiti Malaysia Kelantan (UMK) turut memaklumkan bahawa beliau kini mengendalikan perusahaan Seeni Food & Beverage Sdn. Bhd. manakala ayahnya pula di premis.

Perniagaan keluarga Hafiz turut diuji dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19 iaitu pada tahun sama juga kilang Seeni Food & Beverage Sdn. Bhd. ditubuhkan.

"Oleh sebab pelanggan tidak dapat datang ke kedai disebabkan PKP, maka Seeni Food & Beverage Sdn. Bhd. berikhtiar mengeluarkan produk sendiri seperti mi sotong segera, jadi pelanggan boleh menikmati bila-bila masa di rumah.

"Sambutan untuk produk mi segera juga amat memberangsangkan yang mana sejumlah dua kontena dieksport ke Dubai, Singapura dan China dua kali pada setiap bulan.

"Sebagai makluman, pasaran domestik belum lagi ditembus dek baru sahaja dilancarkan semasa Majlis Pengiktirafan MBOR baru-baru ini," tambahnya.

Menurut Hafiz, perniagaan Seeni Mee Sotong juga tidak kurang memberangsangkan sejak dulu dek keistimewaan resepi turun temurun moyangnya.



**SAMBAL istimewa dicampur sendiri dengan menggunakan serbuk cili dikisar sendiri serta 35 rempah ratus yang menjadi rahsia utama resipi turun-temurun.**

"Seeni Mee Sotong sememangnya lain dari yang lain, ditambah pula dengan sambal istimewa dicampur sendiri dengan menggunakan serbuk cili dikisar sendiri serta 35 rempah ratus.

"(Dan) resepi sambal ini hanya diketahui oleh generasi yang meneruskan perniagaan ini, rasa dan tekstur tetap sama seperti 47 tahun dulu tanpa diubah dek moyang menurunkan resepi turun temurun ini.

"Justeru, dari situ juga idea saya tercetus untuk mencabar diri menyertai MBOR kerana ingin membuktikan perniagaan ini sangat luar biasa kerana mengekalkan cara serta kaedah yang sama seperti arwah moyang dulu.

"Seeni Mee Sotong juga merupakan produk Buatan Malaysia dan dijamin halal serta telah dibuktikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Waktu beroperasi adalah bermula jam 12 tengah hari sehingga 2 pagi dan dibuka setiap hari, ditambah pula dengan perkhidmatan penghantaran makanan seperti *FoodPanda*, *GrabFood* dan *ShopeeFood* yang tersedia, ia telah memudahkan kedua-dua belah pihak," jelasnya.



KETUA Menteri ketika hadir menyaksikan penganugerahan MBOR yang diterima.

### Cabaran MBOR

Walaupun banyak rintangan perlu dihadapi, Hafiz dan keluarga teguh menghadapinya kerana percaya pasti bakal ada sinar kejayaan kelak.

"Tidak dinafikan banyak juga cabaran yang perlu diharungi sepanjang persediaan untuk MBOR ini, tetapi saya tidak mengenal erti putus asa dan tetap meneruskan perjuangan ini.

"Perubahan dari segi tarikh untuk majlis dan permohonan lesen sudah tentu yang utama, persaingan juga ada tetapi saya bersyukur kami sekeluarga berjaya harunginya.

"Tidak mudah untuk menggoreng mi selama tempoh 24 jam, tangan juga bengkak, ayah dan datuk juga demam selepas majlis berkenaan, akan tetapi kejayaan yang diperoleh membuatkan setiap momen sangat bernilai.

"Suasana di sekitar majlis yang mana seramai lebih 150 pengunjung beratur pada satu-satu masa... kami (termasuk datuk dan ayah) menggoreng mi di ruang reruai yang tersedia setiap satu.

"Dua bulan sebelum majlis diadakan pihak kami telah menguar-uarkan di media sosial, oleh itu sambutan amat menggalakkan, kira-kira 3 pagi sahaja pengunjung menyusut dan kembali ramai menjelang siang hari.

"Peniaga lain sudah tentu boleh sahaja menggoreng mi, tetapi tiada yang boleh menggoreng tanpa henti selama 24 jam sebanyak lebih 10,000 pek dengan rasa yang tidak lari," jelasnya yang turut bangga akan kejayaan yang dicapai baru-baru ini.

### Perancangan dan harapan

Mengakhiri pertemuan, Hafiz turut memaklumkan bahawa beliau turut mempunyai perancangan untuk membuka cawangan di serata Malaysia.

"Sudah tentu saya juga ingin memperluaskan rangkaian perniagaan turun temurun ini, saya merancang untuk membuka francais di seluruh negeri kecuali Pulau Pinang, mungkin ada individu yang ingin berniaga tetapi tiada produk, oleh itu kami membuka peluang terhadap mereka yang ingin mencuba.

